

SOALAN NO: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 10 OGOS 2017

SOALAN:

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah penjelasan lanjut mengenai pindaan Akta Kesatuan 1959 tentang proses mengundi untuk menubuhkan Kesatuan Sekerja.

PR-1352-L01798

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) telah pun mengadakan beberapa siri perbincangan di peringkat Kementerian bagi menyemak, meneliti dan membincangkan peruntukan-peruntukan Akta Kesatuan Sekerja 1959 (AKTA 262) bagi tujuan membuat pindaan AKTA 262. Draf akhir cadangan pindaan Akta ini akan dibentangkan ke pihak *Malaysian Trade Union Congress (MTUC)*, *Malaysian Employers Federation (MEF)*, Kongress Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia (CUEPACS) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara. Cadangan pindaan Akta ini dijangka dibentangkan di Parlimen pada tahun 2018.
  
2. Seksyen 10, AKTA 262 yang sedia ada memerlukan sekurang-kurangnya tujuh (7) orang pekerja bagi menubuhkan sesbuah kesatuan sekerja. Penubuhan kesatuan sekerja tidak memerlukan proses mengundi oleh pekerja-pekerja yang hendak menubuhkan kesatuan. Jabatan tidak bercadang untuk membuat pindaan kepada Seksyen 10 tersebut.